

PSB - Bahagian Arkib

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, 23 April, 2019 10:10 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Siswaprenuer KPM-Celcom Lonjak Minat Pelajar Berniaga Dalam Talian



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

23 APRIL 2019 / 17 SYAABAN 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: CEDI

SISWAPRENUER KPM-CELCOM LONJAK MINAT PELAJAR BERNIAGA DALAM TALIAN



UUM ONLINE: “Beli dahulu, kemudian baru berniaga,” kata Pengasas dan Ketua Pengawai Eksekutif Elok Sdn Bhd., Coach Ahmad Shah Wahid pada Program Siswaprenuer anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Celcom dengan kerjasama Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI) di Dewan Seminar A, Pusat Konvensyen, baru-baru ini.

Menurutnya, pembelian produk atau perkhidmatan yang ditawarkan secara dalam talian, membolehkan peniaga mengetahui gaya pembelian pelanggan.

Katanya, ia akan lebih memudahkan usahawan atau peniaga baharu mengetahui tatacara transaksi penjualan barangan dan perkhidmatan dalam talian.

“Perniagaan dalam talian seperti penghantaran produk, perkhidmatan dan logistik mendapat permintaan yang meluas dalam kalangan pelanggan.

“Saya melihat peluang pelajar di UUM juga sangat luas untuk menjalankan penghantaran produk dan perkhidmatan secara dalam talian kerana mempunyai sasaran yang tinggi memandangkan purata pengguna melihat telefon pintar mereka adalah sebanyak 150 kali dalam sehari,” katanya yang berpengalaman luas dalam perniagaan secara dalam talian itu.

Sementara itu, Pengarah CEDI, Prof. Madya Dr. Chandrakantan Subramaniam berkata, pelajar UUM harus memenuhi aspirasi Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dan KPM bagi melahirkan pelajar yang mencipta peluang pekerjaan kepada orang lain berbanding mencari kerja.

Menurutnya, JPT dan KPM mensasarkan 15 peratus pelajar terlibat dalam aktiviti perniagaan semasa dalam pengajian dan 5 peratus graduan menceburi bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan menjelang 2020.

Pegawai Sokongan Perhubungan Sektor Kerja, Celcom-Axiata, Allina Ayof berkata, pihaknya mengalukan penglibatan pelajar terutamanya pelajar B40 untuk terlibat dalam perniagaan secara dalam talian melalui Program Siswaprenuer KPM-Celcom itu.

“Dalam program kerjasama ini, pihak Celcom Axiata menawarkan pelbagai platform untuk pelajar serta seperti Siswamall yang mana produk dan perkhidmatan akan dipasarkan melalui 11Street dan Shoppe,” katanya.

Hadir sama, Timbalan Pengarah, Bahagian Pasca Siswazah, Penyelidikan dan Penerbitan, Dr. Wan Norhayati Wan Ahmad, Penyelaras Program Ejen Kastam, Fadzil Mohd Husin, Pensyarah, Pusat Pengurusan Pengajian Perniagaan, Mathivannan a/l Jaganathan dan pegawai CEDI.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.